

## **Program Lawatan Seni #BASKL**

### **SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)**

**S: Apakah Program Lawatan Seni #BASKL (Arts Excursion)**

**J:** Program Lawatan Seni (AEP) #BASKL adalah Program Pendidikan Seni CENDANA yang menyasarkan kepada para pelajar Sekolah Rendah Awam untuk membolehkan para pelajar mendapat pengalaman pertama yang positif dalam seni dan budaya yang kaya di Malaysia. Ianya boleh diperolehi dari lawatan seni sekolah ke Galeri seni, muzium atau menghadiri persembahan secara langsung melalui teater atau persembahan muzik. Program ini merupakan inisiatif lanjutan daripada kempen memberi kesedaran terhadap seni melalui Bandar Aktiviti Seni KL. AEP adalah inisiatif CENDANA dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**S: Siapa yang layak memohon?**

**J:** Semua Sekolah Rendah Awam (sekolah rendah di bandar, luar bandar dan sekolah rendah B40), sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil (*Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil*), sekolah pendidikan khas dan sekolah berintegrasi dengan pendidikan khas) dan Sekolah Orang Asli. Sebagai permulaan, sekolah-sekolah di sekitar Lembah Klang layak untuk memohon untuk program ini.

**S: Kenapa program ini tidak ditawarkan ke kawasan lain di Malaysia?**

**J:** Kami sedang mengendalikan program ini di Lembah Klang sebagai permulaan. Bergantung pada sumber pada masa hadapan, CENDANA bakal memperluaskan program ini ke kawasan-kawasan lain di Malaysia.

**S: Siapa yang boleh memohon bagi pihak Sekolah?**

**J:** Dengan kelulusan/ sokongan Pengetua Sekolah, adalah disyorkan bahawa Guru Pendidikan Seni / Muzik dipertanggungjawabkan untuk memohon dan membuat penyerahan bagi pihak sekolah.

**S: Bagaimana jika tiada Pengetua Sekolah di sekolah saya?**

**J:** Sekiranya tidak ada Pengetua di sekolah, adalah disyorkan bahawa Pembantu Kanan meluluskan / menyokong permohonan itu.

**S: Bagaimanakah saya boleh memohon untuk program ini sekiranya sekolah kami tidak mempunyai peralatan / kemudahan komputer atau wifi ?**

**J:** KPM akan menghantar Surat Pekeliling dengan salinan asal (salinan cetakan) melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing kepada pihak sekolah di sekitar Lembah Klang. Sekolah boleh menghantar salinan cetakan tersebut melalui kiriman pos ke CENDANA di alamat berikut;

**Agensi Pembangunan Ekonomi Kebudayaan (CENDANA)**

B-15-01, PJ Trade Centre,  
No. 8 Jalan PJU 8 / 8A,  
Bandar Damansara Perdana,  
47820, Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

**S: Berapa lama kami perlu menunggu sebelum kami tahu jika sekolah kami dipilih?**

**J:** Sekolah-sekolah yang terpilih akan dimaklumkan melalui e-mel pengesahan pada/ sebelum **26 Ogos 2019**.

**S: Bagaimana jika sekolah tidak dipilih, adakah kami akan diberitahu bahawa permohonan kami tidak berjaya?**

**J:** Ya, CENDANA juga akan memaklumkan kepada sekolah jika permohonan mereka tidak berjaya.

**S: Siapa yang akan membuat pemilihan sekolah-sekolah?**

**J:** Pemilihan sekolah-sekolah akan dilakukan oleh KPM melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing di negeri ini, dengan sokongan CENDANA .

**S: Berapa ramai pelajar yang akan dibiayai melalui program pembiayaan ini?**

**J:** Pembiayaan boleh menampung sehingga seratus lapan (108) orang pelajar dari sekolah-sekolah yang dipilih .

**S: Bilakah pembiayaan akan diberikan jika sekolah terpilih ?**

**J:** Setelah pihak sekolah dimaklumkan bahawa permohonan mereka berjaya, pihak sekolah dikehendaki untuk menandatangani perjanjian dengan CENDANA untuk melaksanakan program ini dalam tempoh lawatan yang ditetapkan. Sejurus selepas perjanjian ditandatangani, lima puluh peratus (50%) daripada pembiayaan yang diluluskan akan diberikan kepada sekolah dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.

**S: Apa yang dimaksudkan dengan pembiayaan yang diluluskan?**

**A:** Pembiayaan untuk sekolah-sekolah yang terpilih adalah berdasarkan kepada kertas cadangan yang dikemukakan oleh pihak sekolah termasuk bilangan pelajar dan guru-guru pengiring bersama maklumat dan butiran lengkap untuk lawatan tersebut. Sesetengah sekolah mungkin mempunyai bilangan pelajar yang kurang, maka pembiayaan akan diselaraskan berdasarkan bilangan akhir pelajar dan guru-guru pengiring yang telah disertakan untuk menyertai lawatan ini.

**Q : Bagaimana jika sekolah tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar kos pengangkutan, insuran dan makan minum untuk para pelajar?**

**A:** Lima puluh peratus (50%) daripada pembiayaan yang diluluskan akan diberikan kepada sekolah yang terpilih seurus selepas menandatangani perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja. Sekolah boleh menggunakannya untuk membayar makanan pelajar pada hari lawatan serta insuran dan deposit untuk pengangkutan. Jika sekolah memerlukan Surat Kuasa dari CENDANA untuk diberikan kepada pihak pengangkutan (sebagai jaminan bahawa kos tersebut akan dibayar sebaik sahaja CENDANA mengagihkan pembiayaan akhir sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan), dokumen ini boleh diperuntukkan oleh pihak CENDANA. Sila ambil perhatian bahawa bayaran akhir sebanyak lima puluh peratus (50%) hanya akan diberikan sebaik sahaja sekolah yang terpilih menyerahkan semua Laporan lawatan yang lengkap seperti yang telah dimaklumkan semasa perjanjian.

**S: Bagaimana jika kos pengangkutan melebihi daripada lapan ratus ringgit (RM800) setiap bas sekolah?**

**A:** CENDANA hanya menyediakan pembiayaan penyewaan pengangkutan sehingga lapan ratus ringgit (RM 800) setiap bas sekolah. Justeru itu, sekiranya sekolah ingin memilih pengangkutan ulang-alik yang menelan belanja melebihi daripada lapan ratus ringgit (RM800) bagi setiap bas sekolah, sekolah harus mempertimbangkan untuk membuat pilihan lain atau berunding dengan pemilik bas sekolah untuk mendapatkan kos yang lebih murah, atau mempertimbangkan untuk membiayai lebih kos itu sendiri.

**S: Bagaimana jika kami tidak mempunyai jumlah pelajar yang cukup untuk satu (1) bas sekolah?**

**J:** Sekiranya sekolah anda dipilih, maka CENDANA akan membiayai para pelajar yang berumur sembilan (9) hingga (12) tahun yang sedia ada di sekolah tetapi sekolah perlu mencari sumber pengangkutan yang lebih sesuai.

**S: Bolehkah kami menggabungkan pelajar dari tahap yang berbeza seperti pelajar darjah tiga (3) dan darjah (4) dan sebagainya?**

**J:** Ya, anda boleh gabungkan selagi para pelajar tersebut berusia diantara sembilan (9) hingga (12) tahun dan bilangan pelajar tidak melebihi seratus lapan (108) orang.

**S: Adakah sekolah hanya boleh pergi ke tempat yang ditentukan di dalam senarai?**

**J:** Ya, kecuali jika tiada muzium, galeri seni atau persembahan langsung berhampiran sekolah, maka sekolah boleh mencadangkan tempat untuk lawatan dan mendapatkan kelulusan CENDANA. Sekolah boleh meneruskan untuk membuat perancangan lawatan tersebut apabila ianya diluluskan oleh CENDANA.

**S: Siapa yang perlu membuat perancangan dengan tempat seni?**

**J:** Perancangan logistik akan dibuat oleh Sekolah dengan berunding bersama pegawai kebudayaan dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) terdekat di dalam daerah tersebut.

**S: Siapa yang perlu membayar tiket untuk persembahan secara langsung?**

**A:** Persembahan secara langsung yang disenaraikan oleh CENDANA tidak memerlukan sebarang bayaran tiket / kemasukkan kerana CENDANA bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MoTAC) dalam menyediakan persembahan tanpa kos untuk pelajar dari Sekolah-sekolah Rendah Awam bagi program ini .Walau bagaimanapun, sekiranya sekolah memilih untuk mengikuti acara yang tidak tertulis atau tersenarai oleh CENDANA, maka sekolah harus mempertimbangkan untuk membiayai kos tiket / kemasukkan sendiri.

**S: Bagaimana sekiranya pengalaman seni dan kebudayaan yang ada berhampiran dengan sekolah kami tidak termasuk di dalam senarai dan mengenakan bayaran masuk / tiket?**

**J:** Jika pengalaman seni dan budaya yang dicadangkan oleh sekolah diluluskan oleh CENDANA, maka sekolah harus membuat perancangan sendiri untuk melaksanakan lawatan tersebut sepertimana yang dimaklumkan bahawa pembiayaan lawatan ini tidak termasuk bayaran masuk / tiket. Sokongan pembiayaan program dari CENDANA hanya meliputi kos pengangkutan bas sekolah, makan minum dan insuran.

**S: Bagaimana jika kami tidak mempunyai guru pengiring yang cukup untuk lawatan tersebut?**

**J:** Pelajar mestilah diiringi oleh empat (4) orang guru iaitu nisbah satu (1) orang guru untuk sembilan (9) orang pelajar.

**S: Berapa banyak lawatan seni yang boleh dikunjungi oleh sekolah kami?**

**J:** Satu (1) lawatan setiap sekolah yang melibatkan bilangan pelajar tidak melebihi seratus lapan (108) orang dan para pelajar boleh melawat sehingga **dua (2) aktiviti seni dan kebudayaan** dalam lawatan tersebut.

**S: Bolehkan kami menjalankan lawatan seni secara berperingkat?**

**J:** Ya, sekolah boleh menjadualkan lawatan dengan cara yang berperingkat-peringkat untuk memanfaatkan sehingga maksimum seramai 108 orang pelajar daripada setiap sekolah yang terpilih. Walau bagaimanapun, setiap bas mesti memuatkan sekurang-kurangnya 36 orang pelajar untuk setiap lawatan sama ada untuk setengah hari atau satu hari. Sekiranya lawatan itu dijadualkan secara berperingkat pada 3 tarikh yang berlainan, ia tidak sepatutnya melibatkan set pelajar yang sama untuk perjalanan seterusnya.

**S: Adakah kami perlu memberitahu CENDANA mengenai rancangan lawatan kami?**

**J:** Ya, sekolah terpilih perlu memberi notis dan memaklumkan kepada CENDANA mengenai jadual perjalanan yang telah ditetapkan untuk #BASKL Lawatan termasuk bilangan pelajar, guru-guru pengiring dan butiran lengkap mereka yang terlibat untuk tujuan pemerhatian dan rujukan khususnya untuk proses pembayaran balik kos.

**S: Apa yang akan berlaku setelah lawatan berakhir?**

**J:** Sekolah wajib menyerahkan dokumen-dokumen berikut kepada CENDANA tidak melebihi daripada **dua puluh satu (21) hari bekerja** selepas lawatan;

- Borang Kaji Selidik Ekonomi CENDANA yang lengkap;
- Laporan Lengkap Lawatan;
- Laporan Aktiviti KPM;
- Menyerahkan borang-borang lain untuk pengesahan- bahan-bahan sokongan lawatan seperti video-video, gambar-gambar dan sebarang cagar (jika berkenaan) dan
- Memastikan semua bukti pembayaran dan resit-resit lawatan disimpan dan dilampirkan bersama sebagai bukti pembayaran.

**S: Bilakah kami akan menerima bayaran 50% yang terakhir?**

**J:** Bayaran terakhir sebanyak lima puluh peratus (50%) akan diberikan setelah CENDANA menerima semua dokumen / laporan yang dinyatakan di atas beserta borang pembayaran balik yang lengkap bersama bukti pembayaran, invois dan resit untuk lawatan sebagai bukti pembayaran dalam tempoh dua puluh satu (21) hari selepas lawatan.

**S: Apa yang akan berlaku selepas lawatan selesai dan semua pembayaran telah dibayar?**

**J:** Sekolah yang dipilih perlu melanjutkan pengalaman selepas lawatan dengan meminta para pelajar untuk mendokumentasikan pengalaman mereka seperti melalui laporan visual, pameran mini atau lain-lain. Cadangan mengenai pelan selepas lawatan bagi para pelajar harus dimasukkan di dalam borang permohonan program dan ianya merupakan salah satu kriteria ditetapkan dan diteliti oleh CENDANA dan KPM sebelum membuat pemilihan sekolah.